

UNIT 1

BAKAT ISTIMEWA : SERONOKNYA KELUARGA AMAR



OLEH : CIRGU ZANA

APA YANG KITA AKAN BELAJAR HARI INI?

- Memahami dan menggunakan pelbagai kata nama am dan penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul.



DI AKHIR PDPC ANDA BOLEH:

- Bercerita secara lisan tentang petikan menggunakan sekurang-kurangnya lima kata nama am dan lima penjodoh bilangan.



Discussion Points



KATA NAMA AM

Maksud?

perkataan yang merujuk kepada benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya.

Benda : alam, dunia, cakerawala, pohon, orang

Perkara: iklim, cahaya, roh, udara

Konsep: Kedamaian, perpindahan, keadilan

Contoh?

kereta, budak, pokok, ayam



PENJODOH BILANGAN

Maksud?

- Kata yang digunakan bersama-sama dengan kata bilangan
- Digunakan untuk menentukan sesuatu benda mengikut bentuk, rupa, saiz, dan sebagainya

CONTOH:

- ekor , buah, gugus, potong




Jom teliti petikan berikut:


SERONOKNYA KELUARGA AMAR

Keluarga Amar sering melakukan aktiviti rekreasi pada hujung minggu dan musim cuti sekolah. Baru-baru ini, mereka berkunjung ke Hutan Lipur Lata Bayu, Baling, Kedah.


Encik Zakaria memandu keretanya melalui se..... jalan kampung. Terdapat se.....rumah tradisional Melayu di kawasan itu.



Encik Zakaria meneruskan pemanduannya. Ketika itu, hari masih pagi lagi. Encik Zakaria melihat jam tangan yang dipakainya. Se..... jam berwarna putih itu merupakan hadiah pemberian isterinya.




Cuaca pada hari itu amat baik. Kelihatan beberapa burung sedang terbang. Beberapa awan putih menghiasi ruang langit yang biru. Amar sekeluarga bergambar di hadapan pintu masuk ke Hutan Lipur Lata Bayu.



Setelah tiba di kawasan perkemahan, ibu Amar membentangkan se..... tikar mengkuang. Kemudian, beliau pun menghidangkan bekal makanan yang dibawa. Beliau meletakkan se..... buah langsung, se..... buah rambutan, se..... pisang, dan beberapa kek. Beberapa gelas pula diletakkan di sekeliling makanan itu. Selepas itu, beliau memasukkan beberapa ais ke dalam jag yang berisi minuman. Akhirnya, hidangan yang enak tersedia di hadapan mata.

Setelah menikmati makanan, Amar sekeluarga bermandi-manda dengan gembiranya. Perkelahan tersebut bukan sahaja menggembirakan tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan. Amar dan Irfan berasa sungguh seronok kerana dapat beriadah bersama-sama dengan keluarga.





Baiklah, setelah meneliti petikan tersebut, murid-murid dikehendaki

1. Salin petikan dan lengkapkan penjodoh bilangan yang sesuai.
2. Kemudian, rekodkan suara anda membaca petikan tersebut dengan intonasi yang betul.
3. Hantarkan kepada Cikgu Zana.

